



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 11 (12 MAC – 18 MAC 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-11 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,151 kes berbanding 2,152 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 1 kes (0.05%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-11 tahun 2023.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 23,753 kes berbanding 7,364 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 16,389 (222.6%), Manakala sebanyak 16 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding tiga (3) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 13 kematian (433.3%). **(Lampiran A & B).**

Jumlah lokaliti hotspot denggi sama seperti minggu sebelumnya, iaitu sejumlah 91 lokaliti dengan 54 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 16 lokaliti hotspot di Pulau Pinang, 11 lokaliti hotspot di Sabah, lima (5) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya, tiga (3) lokaliti hotspot di Perak dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Kedah serta Negeri Sembilan. **(Lampiran B).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak tujuh (7) kes pada minggu ke-11 dengan lima (5) kes dari Johor dan dua kes dari Selangor. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 106 kes (**Lampiran E**). Bagi survelan zika, sebanyak 539 sampel darah dan empat (4) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Sempena bulan Ramadan yang bakal menjelang, bilangan pengunjung di tempat-tempat tumpuan awam seperti Bazar Ramadan dan premis perniagaan akan meningkat. Kebanyakan pengunjung akan datang ke premis perniagaan terutamanya Bazar Ramadan pada lewat petang, serentak dengan waktu puncak gigitan nyamuk Aedes. Oleh itu, pengunjung digalakkan menggunakan bahan repelan nyamuk pada kulit serta anggota badan yang terdedah sebagai kaedah pencegahan untuk menghalang gigitan nyamuk. Selain itu, peniaga di Bazar Ramadhan serta pengunjung diminta menjaga kebersihan persekitaran serta melupuskan semua bekas-bekas potensi pembiakan nyamuk seperti tempurung dan kulit kelapa, bekas makanan dan minuman dan lain-lain bekas di tempat pelupusan yang disediakan. Persekitaran yang bersih mengurangkan risiko denggi. Selamat Menyambut Bulan Ramadan. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya, dan zika.**


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
21 Mac 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-10 dan ke-11 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-11 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan Demam Denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-11 tahun 2023